

Global Art dinobatkan Francais Terbaik 2019

Tarikh kemaskini: 05/10/2019



KUALA LUMPUR, 5 Okt -- Global Art and Creative Sdn Bhd (Global Art) dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Francais Terbaik 2019 sempena Anugerah Francais Malaysia (AFM) 2019 di sini, semalam.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang turut menyerahkan trofi serta sijil penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Global Art Mahair Goh dan wakil semua pemenang bagi 16 kategori lain.

Yang turut hadir Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali Hassan.

Saifuddin Nasution berkata, AFM yang dianjurkan oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA) adalah platform pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada para penggiat industri francais di negara ini.

"Acara berprestij ini juga menunjukkan komitmen yang berterusan dalam meningkatkan kualiti dan pertumbuhan serta prestasi positif dalam perniagaan francais mereka," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Global Art dipilih daripada 35 finalis yang tersenarai bagi kategori utama itu dan ia kemenangan buat kali kedua selepas syarikat itu meraih anugerah yang sama pada tahun lepas.

Syarikat itu turut merangkul tiga anugerah lain bagi kategori Francaisor Terbaik, Francaisor Antarabangsa Terbaik (Asia Pasifik) dan Inovasi Francais Terbaik.

'Antarâ pemenang pada majlis itu ialah McDonald's Malaysia yang membawa pulang dua anugerah menerusi francais syarikat rangkaian makanan segera itu iaitu Hamburgold Sdn Bhd dan ISK F&B Sdn Bhd, masing-masing bagi kategori Francaisi Antarabangsa Terbaik dan Francaisi Harapan Antarabangsa Terbaik.

AFM pada tahun ini memperkenalkan dua kategori baharu iaitu Anugerah Wartawan Terbaik yang dimenangi oleh wartawan dari Radio Television Malaysia (RTM) Siti Hanila Bowhani dan Anugerah Rancangan Perniagaan Francais Terbaik, yang penyertaannya terbuka untuk pelajar universiti dan dimenangi oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Semua pemenang dinilai oleh panel penilai terdiri daripada agensi badan korporat, professional, institusi pengajian tinggi awam dan swasta berdasarkan beberapa kriteria penting seperti sistem francais, jumlah pertumbuhan francais, pembukaan cawangan dalam dan luar negara, nilai jualan tahunan serta penyelidikan dan inovasi yang telah dilaksanakan.

-- BERNAMA

